

21/05/2002

Bank Negara siapkan kaji selidik profil, kehendak PKS

Abdul Halim Yusoff

BANK Negara Malaysia sudah menyiapkan satu kaji selidik mengenai profil dan kehendak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan untuk membolehkannya merumuskan satu rangka kerja komprehensif bagi membangunkan sektor berkenaan.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti AKhtar Aziz berkata, kaji selidik itu yang dilaksanakan menerusi institusi perbankan akan dijadikan pangkalan data penting ke arah usaha memajukan lagi sektor PKS.

"Penemuan kaji selidik itu penting untuk industri perbankan membentuk pelan strategik bagi membangunkan sektor berkenaan sekali gus membantu mereka meningkatkan capaian dan mutu perkhidmatan.

"Dalam zaman yang pantas berubah ini, organisasi yang berjaya adalah yang berupaya mengenal pasti pelbagai kuasa perubahan dan pada masa yang sama, berusaha membuat persediaan menghadapinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan `Bersedia Ke Arah Kecemerlangan' pada Sidang Kemuncak Perkhidmatan Kewangan dan Perbankan Malaysia anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Presiden Asli, Mirzan Mahathir dan Ketua Eksekutif Asli, Datuk Michael Yeoh.

Zeti berkata, PKS adalah segmen perniagaan yang perlu diberi perhatian oleh institusi perbankan tempatan selaras dengan peningkatan kepentingannya kepada ekonomi negara.

Katanya, jumlah pinjaman yang disalurkan sektor kewangan kepada PKS meningkat sebanyak 3.1 peratus lalu, perkhidmatan keseluruhan kepada mereka perlu dipertingkatkan.

Zeti berkata, masalah utama berkaitan perbankan untuk PKS adalah capaian kepada kredit, mutu perkhidmatan, kurang pemahaman mengenai perniagaan mereka, kelemahan perkhidmatan di peringkat cawangan, permintaan kadar cagaran tinggi dan tanggapan umum kurangnya kesediaan bank memberikan pinjaman kepada PKS.

Sementara itu, Zeti berkata, institusi kewangan domestik masih ketinggalan berbanding institusi asing dalam aspek kecekapan operasi dan produktiviti.

Meskipun jurang kecekapan operasi dan produktiviti semakin baik, masih banyak yang perlu diperbaiki institusi kewangan tempatan.

Katanya, meskipun penggabungan sektor perbankan tempatan adalah syarat awal membolehkan ia bersaing, saiz saja tidak mencukupi untuk mewujudkan kecekapan.

"Institusi kewangan tempatan harus berupaya menawarkan rangkaian produk seperti institusi kewangan asing serta berupaya mendapatkan barisan pengurusan kukuh dan berkemahiran," katanya. Untuk itu, Dr Zeti berkata, Bank Negara sudah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan lembaga pengarah dan jawatankuasa utama mempunyai perwakilan pengarah bebas yang mencukupi serta menggalakkan mereka melantik kakitangan profesional untuk mengendalikan bank.

Sehubungan itu, Bank Negara melonggarkan pakej upah kepada ketua eksekutif institusi perbankan dan menyerahkannya kepada lembaga pengarah untuk merumuskan pakej bersesuaian untuk menarik profesional yang mereka kehendaki.

Sistem perbankan yang lebih berdaya saing akan mewujudkan lebih banyak manfaat kepada pelanggan dan perniagaan terutama daripada aspek capaian

mudah, pilihan bermutu dan harga berdaya saing.

Zeti berkata, sehingga akhir Mac lalu, nisbah kecukupan modal wajaran bank adalah pada 12.5 peratus manakala keuntungan sistem perbankan dalam tempoh sama meningkat 72.3 peratus kepada RM2.4 bilion berbanding tempoh sama sebelumnya.

(END)